KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




# 24 JAM BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PPP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **11 OKTOBER 2023**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: RABU
TARIKH: 11/10/2023
M/SURAT: 6

# Ada keperluan isi jawatan menteri KPDN dalam masa terdekat - Armizan

**PUTRAJAYA** - Jawatan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) perlu diisi dalam masa terdekat berikutan pembentangan Belanjawan 2024 dijadual berlangsung Jumaat ini.

Bagaimanapun, pemangku Menteri KPDN, Datuk Armizan Mohd Ali menegaskan, ia adalah kuasa prerogatif Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan perlu mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong.

"Jawatan itu kosong dan ada keperluan ia diisi, apatah lagi kerajaan akan membentangkan bajet serta persiapan untuk pelaksanaan tahun depan," katanya menerusi sidang akhbar selepas menyerahkan sijil kelulusan pendaftaran francais dan lesen jualan langsung di sini pada Selasa.

Beliau berkata demikian mengulas kekosongan jawatan itu hampir dua bulan selepas kematian Allahyarham Datuk Seri Salahuddin Ayub pada 23 Julai lalu.


ARMIZAN

Armizan yang merupakan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak dan Tugas-Tugas Khas) dilantik sebagai pemangku menteri KPDN pada 30 Julai lalu.

Ditanya adakah kekosongan itu akan diisi sebelum sebelum pembentangan Belanjawan 2024, Armizan berkata, ia terserah kepada Perdana Menteri.

"Saya fikir kalau kita buat spekulasi dan bercakap lebih banyak (mengenai perkara ini), lagi lambat Perdana Menteri nak isi tempat ini.

"Jadi lebih baik jangan spekulasi, kita tunggu," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: RABU
TARIKH: 11/10/2023
M/SURAT: 25

# Lori kontena tidak sempat edar 24,000 liter diesel subsidi

**KUALA LUMPUR** - Sebuah lori kontena yang memuatkan 24,000 liter diesel subsidi bernilai RM56,400 hasil kegiatan penyelewengan tidak sempat dipindah keluar dari ibu negara apabila ditahan pihak berkuasa di sini, 4 Oktober lalu.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kuala Lumpur, Ariffin Samsudin berkata, rampasan dibuat menerusi Op Tiris di sebuah stor haram hasil risikan tiga minggu.

Menurutnya, pemeriksaan menemui tiga tangki dipercayai untuk penyimpanan diesel yang lengkap dengan hos penyambung dan pam bermeter.

"Hanya sebuah tangki mengandungi 4,073 liter diesel bernilai RM9,571.55. Nilai rampasan ialah RM120,966.95," katanya pada Selasa.

Empat warga tempatan diberkas untuk disiasat di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974.

Sementara itu, pada 5 Oktober lalu, KPDN Kuala Lumpur turut membuat penahanan membabitkan seorang pemandu lori dengan muatan 1,000 liter diesel subsidi bernilai RM2,350 di Hentian Rehat dan Rawat Kinrara.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: RABU
TARIKH: 11/10/2023
M/SURAT: 27

# Pindah diesel tengah malam

## Modus operandi terbaharu Geng Tikus seleweng bahan api bersubsidi

Oleh SITI ZUBAIDAH ZAKARAYA
SUNGAI PETANI

Kegiatan pemindahan diesel di tengah malam merupakan modus operandi terbaharu Geng Tikus untuk menyeleweng bahan api bersubsidi itu.

Ketua Polis Daerah Kuala Muda, Asisten Komisioner Zaidy Che Hassan berkata, maklumat itu berdasarkan hasil risikan yang dilakukan ke atas sebuah premis di Kawasan Perindustrian MIEL Bukit Makmur Sungai Lalang dan dua stesen minyak berdekatan serta taman perumahan di Laguna Merbok yang mendapati pembelian diesel dilakukan pada tengah malam.

Menurutnya, dalam Op Penyeludupan Minyak Diesel Bersubsidi (Subdi) antara jam 1 hingga 5.30 petang Isnin, seramai 13 individu berusia 35 hingga 49 tahun ditahan termasuk tiga warga Myanmar bersama 74,600 liter minyak diesel bernilai RM162,628.

"Dalam operasi ini, dua treler, lapan lori kecil, sebuah kenderaan pacuan empat roda, dua tangki berkapasiti 20,000 liter serta peralatan menyeleweng dirampas. Nilai rampasan dianggarkan berjumlah RM459,628," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuala Muda, di sini pada Selasa.

Jelas Zaidy, kesemua rampasan dibawa ke stor Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) di Tunjang, Jitra, Kedah.

Beliau berkata, sindiket terbabit membeli minyak diesel bersubsidi di stesen minyak sekitar Kuala Muda menggunakan lori jenis satu tan dan tiga tan diubah suai.

"Aktiviti membeli minyak ini dijalankan 24 jam setiap hari di mana lori terbabit akan kembali ke gudang tersebut untuk memindahkan diesel ke dua tangki berkapasiti 20,000 liter sebelum dipindahkan ke lori kontena dengan kapasiti 42,000 liter setiap lori.



Zaidy (kiri) menunjukkan kenderaan yang disyaki digunakan dalam kegiatan penyelewengan minyak diesel dalam sidang akhbar pada Selasa.

"Minyak diesel ini dipercayai akan dijual di berapa lokasi di stor minyak sempadan Malaysia Thailand," katanya.

Kenderaan dan peralatan disita oleh KPDN Negeri Kedah kerana disyaki terlibat dengan aktiviti penyelewengan minyak diesel bersubsidi dan melanggar Akta Kawalan Bekalan 1961.

Sembilan individu iaitu pemandu lori dibebaskan dengan jaminan polis, manakala empat lagi termasuk pemilik premis dan warga Myanmar direman selama dua hari bagi membantu siasatan. Kesemua warga Myanmar itu disiasat mengikut Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63.

theSun
TELLING IT AS IT IS

HARI: RABU
TARIKH: 11/10/2023
M/SURAT: 5

# 13 suspects nabbed in crackdown on diesel syndicate

**SUNGAI PETANI:** Police raided several locations in Sungai Lalang on Monday and busted a syndicate involved in illegal trading of subsidised diesel.

Thirteen individuals, including three Myanmar nationals believed to be members of Geng Tikus, were detained.

Kuala Muda police chief ACP Zaidy Che Hassan said the suspects, aged between 35 and 49, were held during the raids conducted from 1pm to 5.30pm.

"The raids were carried out together with enforcement officers from the Domestic Trade and Cost of Living Ministry after investigations by the Kuala Muda Special Branch.

"The operation involved a premises that was turned into a storage warehouse for diesel at the MIEL Industrial Park Bukit Makmur, two petrol stations and another premises in Taman Perumahan Laguna Merbok."

He added that 74,600 litres of subsidised diesel worth RM162,628, two trailer lorries, eight small lorries, a four-wheel drive, two 20,000-litre capacity tanks and other equipment worth RM459,628 were seized and taken to the Tunjang Depot in Jitra.

Zaidy said the modus operandi of the syndicate was to use modified one and three-tonne lorries to buy subsidised diesel from petrol stations in Kuala Muda every day and store it at the premises before being transferred to large tankers to be sold at the Malaysia-Thai border. – Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| BERITA ONLINE BERTARIKH 11 OKTOBER 2023 | | | |
|---|---|---|---|
| **TARIKH** | **TAJUK** | **PAUTAN** | **MEDIA** |
| 11-Oct | Kilang beras disita sorok 180 tan metrik beras putih tempatan | https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/283545 | SH |
| 11-Oct | Kilang sorok 180 tan beras disita | https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/10/1018500/kilang-sorok-180-tan-beras-disita | HM |
| 11-Oct | Kilang disyaki sorok 180 tan metrik beras tempatan disita | https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/70801-kilang-disyaki-sorok-180-tan-metrik-beras-tempatan-disita | BERITARTM |
| 11-Oct | KPKM Sita Kilang Beras Di Kedah Disyaki Sorok BPT 180 Tan Metrik | https://harapanmadani.com/kpkm-sita-kilang-beras-di-kedah-disyaki-sorok-bpt-180-tan-metrik/ | HARAPANMADANI |
| 11-Oct | Peraga fesyen tanda sokong barangan Malaysia | https://www.kosmo.com.my/2023/10/10/peraga-fesyen-tanda-sokong-barangan-malaysia/ | KOSMO |
| 11-Oct | Kontena tidak sempat 'edar' 24,000 liter diesel subsidi | https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/283471 | SH |
| 11-Oct | Seleweng diesel bersub-sidi, 13 termasuk warga Myanmar ditahan | https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/283540 | SH |
| 11-Oct | Pemandu, kelindan lori seleweng diesel bersubsidi ditahan | https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/283504 | SH |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 11-Oct | Pemandu, kelindan lori ditahan seleweng diesel | https://malaysiagazette.com/2023/10/10/pemandu-kelindan-lori-ditahan-seleweng-diesel/ | MALAYSIAGAZETTE |
| 11-Oct | Rasionalisasi subsidi: Perlu ada perlindungan jaminan sosial rakyat | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/rasionalisasi-subsidi-perlu-ada-perlindungan-jaminan-sosial-rakyat/ | UM |
| 11-Oct | Pertimbang wujud inisiatif pengukuhan perlindungan jaminan sosial | https://www.sinarharian.com.my/article/628529/berita/nasional/pertimbang-wujud-inisiatif-pengukuhan-perlindungan-jaminan-sosial | SH |
| 11-Oct | Jawatan menteri KPDN: Jangan buat spekulasi, kita tunggu sahaja | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/jawatan-menteri-kpdn-jangan-buat-spekulasi-kita-tunggu-sahaja/ | UM |
| 11-Oct | Ada keperluan jawatan Menteri KPDN diisi dalam masa terdekat | https://www.sinarharian.com.my/article/628522/berita/nasional/ada-keperluan-jawatan-menteri-kpdn-diisi-dalam-masa-terdekat | SH |
| 11-Oct | Menteri KPDN: Jangan berspekulasi, jangan letak tekanan kepada PM – Armizan | https://malaysiagazette.com/2023/10/10/menteri-kpdn-jangan-berspekulasi-jangan-letak-tekanan-kepada-pm-armizan/ | MALAYSIAGAZETTE |
| 11-Oct | ‘Jangan buat spekulasi’, kata Armizan berkait menteri KPDN | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/10/10/jangan-buat-spekulasi-kata-armizan-berkait-menteri-kpdn/ | FMT |
| 11-Oct | Jangan buat spekulasi, kata Armizan berkait jawatan menteri KPDN | https://www.dailyexpress.com.my/news/221396/jangan-buat-spekulasi-kata-armizan-berkait-jawatan-menteri-kpdn/ | DAILYEXPRESS |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 11-Oct | Ada keperluan isi jawatan Menteri KPDN lebih-lebih lagi menjelang pembentangan Belanjawan 2024 – Armizan | https://www.buletintv3.my/nasional/ada-keperluan-isi-jawatan-menteri-kpdn-lebih-lebih-lagi-menjelang-pembentangan-belanjawan-2024-armizan/ | BULETINTV3 |
| 11-Oct | KPDN minta MoF pertimbang dua perkara dalam Belanjawan 2024 | https://malaysiagazette.com/2023/10/10/kpdn-minta-mof-pertimbang-dua-perkara-dalam-belanjawan-2024/ | MALAYSIAGAZETTE |
| 11-Oct | KPDN harap pengukuhan perlindungan jaminan sosial rakyat dalam Belanjawan 2024 | https://www.kosmo.com.my/2023/10/10/kpdn-harap-pengukuhan-perlindungan-jaminan-sosial-rakyat-dalam-belanjawan-2024/ | KOSMO |
| 11-Oct | Rasionalisasi subsidi dan perlindungan sosial, KPDN mohon pertimbang dalam Belanjawan 2024 | https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/70833-rasionalisasi-subsidi-dan-perlindungan-sosial-kpdn-mohon-pertimbang-dalam-belanjawan-2024 | BERITARTM |
| 11-Oct | Sistem subsidi bersasar akan dilaksana tahun depan | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2023/10/1163293/sistem-subsidi-bersasar-akan-dilaksana-tahun-depan | BH |
| 11-Oct | Kedah police, KPDN smash syndicate siphoning subsidised diesel in Sungai Lalang | https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/crime-courts/2023/10/965455/kedah-police-kpdn-smash-syndicate-siphoning-subsidised-diesel | NST |
| 11-Oct | Sindiket seleweng diesel, pindah minyak tengah malam tumpas | https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/sindiket-seleweng-diesel-pindah-minyak-tengah-malam-tumpas-441134%3famp=1 | ASTROAWANI |
| 11-Oct | Polis tumpas sindiket seleweng diesel di Sungai Petani | https://www.thesundaily.my/cerita/polis-tumpas-sindiket-seleweng-diesel-di-sungai-petani-BG11605352 | THESUNDAILY |
| 11-Oct | Geng Tikus tumpas | https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/10/1018540/geng-tikus-tumpas | HM |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT